

سورة الفاتحة



NAMA SURAH

Selain al-Fatihah, surah ini juga mempunyai 20 nama yang lain. Begitulah yang disebutkan oleh Imam al-Syuyuti di dalam kitab beliau "al-Itqān". Antara nama tersebut (disebutkan beberapa sahaja) ialah: "Ummul Kitab", "Alhamdu", "al-Sab'u al-Matsani" dan "Al-Kafiah".

Diberi nama "al-fatihah" kerana ia merupakan pembuka kepada perjalanan wahyu yang sangat indah. Al-Fatihah ialah prolog dan 113 surah selepasnya merupakan huraian kepada Surah ini.

KOMPONEN SURAH AL-FATIHAH

Prolog 114

Aqidah

Ayat 1-3 merupakan ayat aqidah; pengenalan kepada Allah dan sifat-sifatNya yang mulia. Ayat 1 merupakan ayat rububiyah. Ayat 2 merupakan sifat-sifat Allah. Dan ayat 3 merupakan perbicaraan metafizik iaitu alam selepas kematian.

Ibadah

Ayat 4-5 merupakan ayat Ibadah. Ayat ini menyuruh hambaNya setelah mengenali Allah, melakukan amalan yang memanifestasikan diri sebagai hamba. Dua perkara yang penting perlu dilakukan; mengabdikan diri dan memohon pertolongan.

Akhlak & Tasawwuf

Ayat terakhir iaitu ayat ke-6 merupakan ayat yang membahaskan soal akhlak, iaitu soal berhati-hati dan menjaga diri supaya tidak tergelincir ke dalam dua lembah yang berbahaya. Lembah dimurkai oleh Allah dan lembah kesesatan yang berpanjangan.

